

02 SEP 1998

KAWALAN-MODAL/I

KAWALAN MATAWANG: NEGARA ASIA LAIN MUNGKIN IKUT LANGKAH MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Langkah Malaysia untuk mengenakan kawalan modal bagi melindungi ekonominya, jika berjaya, mungkin akan dicontohi oleh negara-negara Asia yang lain, demikian menurut Asian Wall Street Journal (AWSJ).

Dalam satu rencana hari ini bertajuk "Acceptance of Capital Curbs Is Spreading", akhbar serantau itu berkata kegagalan Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) menghentikan kesan jangkitan yang melanda seluruh Asia telah menjadikan gagasan seperti kawalan modal "dihormati semula secara intelektual."

Pembuat-pembuat dasar di Asia tidak boleh tidak telah nampak bahawa China dan Taiwan mengenakan kawalan modal dan kedua-duanya tidak dilanda kesan jangkitan rantau ini, kata AWSJ.

Dalam langkah drastik untuk melindungi ekonominya daripada perkembangan buruk di luar negara, dan terutamanya untuk menghentikan serangan spekulatif ke atas ringgit, Malaysia semalam mengumumkan kawalan modal yang luas dan kadar tetap pertukaran bagi matawang tempatan.

Dalam rencananya yang ditulis di Hong Kong dengan ungkapan permulaan "What if Prime Minister Mahathir Mohamad is right? (Bagaimana jika Perdana Menteri Mahathir Mohamad betul?)", AWSJ berkata keputusan Malaysia untuk mengenakan kawalan modal melanggar orthodox ekonomi dan secara langsung bercanggah dengan penawar krisis yang disarankan oleh IMF, Perbendaharaan A.S. dan beberapa pakar lain.

"Malaysia, seperti Perancis, nampaknya seronok mempersenda Washington.

"Bagaimanapun, jika kawalan modal ini memperlihatkan sebarang tanda-tanda kejayaan, maka negara-negara Asia yang lain mungkin terpicat untuk mencontohi Malaysia," kata akhbar itu.

Ini bukan sahaja akan memalukan Washington tetapi juga boleh mengubah penghujahan mengenai bagaimana hendak mengendali dan menyelia sistem kewangan global.

Menurut akhbar itu, keputusan Malaysia untuk menggugurkan dasar-dasar kadar faedah tinggi ala IMF yang diamalkan sebelumnya tidak memeranjatkan.

"Apa yang agak memeranjatkan ialah Mahathir tidak keseorangan dalam hal ini," kata akhbar itu.

Pakar ekonomi Amerika yang terkemuka Paul Krugman mengemukakan hujah bagi kawalan modal ini dalam majalah Fortune ketika khabar-khabar angin mula bertiup kencang bahawa Malaysia sedang mempertimbangkan langkah-langkah sedemikian.

Berikutan pengumuman Malaysia semalam, pakar-pakar ekonomi menegaskan tentang kerumitan-kerumitan yang mungkin timbul ekoran langkah kawalan modal.

Bagaimanapun, ada juga segelintir daripada mereka mengemukakan faedah-faedah yang bakal diperolehi; dalam jangka pendek dan memandangkan keadaan sekarang, kata mereka, langkah Malaysia ini tidak semestinya tidak baik.

Berbanding dengan alternatif yang ada -- kemelesetan yang teruk -- kawalan modal mungkin kelihatan menarik jika ia membolehkan Malaysia menurunkan kadar faedah dan membolehkan wang mengalir semula dalam ekonomi.

Akhbar itu memetik Chris Tinker, ketua pakar ekonomi di ING Baring Securitis di Hong Kong sebagai berkata: "Saya tahu ia bunyinya menyeleweng, (tetapi) mungkin itulah jawapannya bagi Malaysia." -- BERNAMA

SJ KY OS